

Terima keputusan perwakilan: Dr M

B.H 27 JUL 1993

Oleh Mokhtar Alias, Nasir Hassan dan Kamarudin Mat Akib

KOTA BHARU, Isnin — Ahli Umno perlu menerima sebarang keputusan yang dibuat oleh perwakilan jika ada pertandingan dalam pucuk pimpinan tertinggi parti November ini, kata Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau tidak mahu ahli Umno menolak keputusan yang dibuat oleh perwakilan bagi jawatan tertentu jika pemimpin yang menang bukan calon pilihan mereka.

"Apa yang penting selepas pertandingan pelbagai jawatan dalam parti, semua ahli Umno perlu bersatu semula.

"Kalau ada pertandingan, jangan selepas itu tidak sanggup terima calon yang menang kerana ia bukan calon kita," katanya kepada pemberita selepas mempekerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri, di Rumah Seri Kelantan, di sini, malam ini.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Senator Datuk Annuar Musa; Setiausahanya, Shahibuddin Mohd Noor, dan ketua-ketua bahagian turut menghadiri mesyuarat kira-kira sejam setengah itu.

Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri berkata, jika ahli Umno

tidak dapat menerima hakikat kekalahan calon mereka, bermakna mereka tidak faham aman demokrasi dan belum matang dalam soal pemilihan.

Ditanya sama ada Badan Perhubungan Negeri Kelantan memberi arahan kepada Umno bahagian untuk mengelakkan pertandingan bagi jawatan tertentu, Dr Mahathir yang juga Pengerusinya, berkata:

"Tak ada apa-apa arahan... Hanya yang kita utamakan ialah kalau ada pertandingan semua pihak mesti terima keputusan dan selepas pertandingan mesti rapat balik barisan."

Beliau bagaimanapun enggan mengulas mengenai kenyataan Naib Presiden, Datuk Seri Sanusi Junid dan Ketua Umno Bahagian Segamat, Datuk Musa Hitam, semalam bahawa jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan.

Ditanya kesediaan Jepun dan Korea Selatan berbincang dengan Asean dalam Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), Perdana Menteri berkata:

"Kita alu-alukan sokongan diberi dan kita akan menyusuli perkara ini dengan mengadakan perbincangan dengan mereka."